

SULIT

1103/1

1103/1
Bahasa Melayu
Kertas 1
2016
2 ¼ Jam

**Modul Kecemerlangan Akhir Tahun
SPM 2016**

TINGKATAN 5

BAHASA MELAYU

Kertas 1

Dua jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian : Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab soalan Bahagian A dan satu soalan daripada Bahagian B.*
3. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak

1103/1

Bahagian A

[30 markah]

[Masa dicadangkan: 45 minit]

Gambar di bawah menunjukkan sebahagian daripada langkah menjaga kebersihan tempat-tempat awam.

Huraikan pendapat anda tentang cara menjaga kebersihan tempat-tempat awam.

Panjangnya huraian anda hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

MENJAGA KEBERSIHAN TEMPAT-TEMPAT AWAM

- Membersihkan kawasan persekitaran
- Pengurusan sisa pepejal secara sistematis
- Membentuk kesedaran masyarakat

mengadakan aktiviti gotong-royong

mengasingkan sisa pepejal

Kempen Kitar Semula

**Gotong-royong**

↳ menggerakkan seluruh rakyat
↳ gambaran awal pelancung
 ke negara kita

Peranan pihak berkuasa tempatan**Kempen Kitar Semula**

Bahagian B

[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]

[100 markah]

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya melebihi 350 patah perkataan.

1. 'Membaca Jambatan ilmu' merupakan ungkapan yang sering didendangkan untuk menyuburkan budaya keilmuan dalam kalangan pelajar.
Sehubungan dengan itu, sebagai pelajar harapan sekolah, anda terpanggil untuk menyampaikan ceramah berkaitan tajuk di atas.

Sediakan teks ceramah tersebut selengkapnya.
2. Ibu bapa merupakan suri teladan dalam membentuk tingkah laku anak-anak khususnya dalam memupuk semangat kejiranan agar tidak luntur dalam kalangan masyarakat.
Huraikan usaha-usaha yang wajar dilakukan oleh ibu bapa dalam mengekalkan semangat kejiranan di Malaysia.
3. Penderaan dalam kalangan kanak-kanak meninggalkan kesan negatif dalam usaha melahirkan anggota masyarakat yang berwawasan.
Sehubungan dengan itu, masyarakat dan kerajaan perlu bekerjasama membanteras perbuatan tersebut.
Ulaskan.
4. Aktiviti pembakaran terbuka telah menjadi fenomena lazim dilakukan oleh negara-negara Asia Tenggara.
Jelaskan kesan-kesan yang dialami oleh negara-negara terbabit dan negara-negara yang berjiran dengannya

5. Yang buta penghembus lesung
Yang pekak pembakar meriam
Yang tepak penghalau ayam
Yang bisu penyimpan rahsia
Yang pendek bertinjau-tinjau

Gurindam Dua Belas , Raja Ali Haji

Gurindam di atas menunjukkan keistimewaan setiap orang dalam kehidupan meskipun dalam serba kekurangan, begitu juga dengan golongan orang kelainan upaya (OKU). Bincangkan usaha-usaha berkesan membantu golongan orang kelainan upaya hidup berdikari.

KERTAS SOALAN TAMAT

Waktu: 90 minit. Pergiliran: 1800

Jawab semua soalan. Setiap soalan mempunyai nilai yang sama.

Peraturan Jawapan: Jawab dengan jelas dan lengkap. Jangan lupa tulis nama dan alamat.

Peraturan Kertas Soalan: Kertas soalan ini adalah untuk tujuan latihan sahaja. Jangan buang kertas soalan ini.

Peraturan Pengambilan Kertas Soalan: Kertas soalan ini boleh diambil semula jika ia hilang.

Peraturan Pengambilan Jawapan: Jawapan boleh diambil semula jika ia hilang.

Peraturan Pengambilan Jawapan: Jawapan boleh diambil semula jika ia hilang.

Peraturan Pengambilan Jawapan: Jawapan boleh diambil semula jika ia hilang.

Peraturan Pengambilan Jawapan: Jawapan boleh diambil semula jika ia hilang.

Peraturan Pengambilan Jawapan: Jawapan boleh diambil semula jika ia hilang.

Peraturan Pengambilan Jawapan: Jawapan boleh diambil semula jika ia hilang.

Peraturan Pengambilan Jawapan: Jawapan boleh diambil semula jika ia hilang.

Peraturan Pengambilan Jawapan: Jawapan boleh diambil semula jika ia hilang.

Peraturan Pengambilan Jawapan: Jawapan boleh diambil semula jika ia hilang.

Peraturan Pengambilan Jawapan: Jawapan boleh diambil semula jika ia hilang.

Peraturan Pengambilan Jawapan: Jawapan boleh diambil semula jika ia hilang.

Peraturan Pengambilan Jawapan: Jawapan boleh diambil semula jika ia hilang.

Peraturan Pengambilan Jawapan: Jawapan boleh diambil semula jika ia hilang.

Peraturan Pengambilan Jawapan: Jawapan boleh diambil semula jika ia hilang.

Peraturan Pengambilan Jawapan: Jawapan boleh diambil semula jika ia hilang.

Peraturan Pengambilan Jawapan: Jawapan boleh diambil semula jika ia hilang.

Peraturan Pengambilan Jawapan: Jawapan boleh diambil semula jika ia hilang.

SULIT

1103/2

1103/2

Bahasa Melayu

Kertas 2

2016

2 ½ Jam

Modul Kecemerlangan Akademik

TINGKATAN 5 2016

BAHASA MELAYU

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi **4 soalan**.*
2. *Jawab **semua soalan**.*
3. *Jawapan bagi **Soalan 2(b), Soalan 2(c), Soalan 2(d)** dan **Soalan 4** berdasarkan teks **Komponen Kesusastraan Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.***
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan rumi atau jawi.*

Kertas soalan ini mengandungi **12 halaman bercetak** dan **1 halaman tidak bercetak**.

Soalan 1 : Rumusan

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **punca-punca yang merosakkan perkembangan sahsiah anak-anak** dan **impaknya kepada anak-anak**. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Tiada siapa-siapa mengaku mudah menjadi ibu bapa. Susah senang dan kekecewaan membesarakan anak, lumrah bagi kebanyakan pasangan. Jarang-jarang ditemui anak 'baik' atau ibu bapa 'sempurna'. Kita semua biasa membuat kesilapan. Dalam usaha untuk membentuk anak-anak menjadi cemerlang, ibu bapa kadang kala tersilap langkah dengan tindakan yang keterlaluan sehingga menjelaskan perkembangan sahsiah anak-anak mereka.

Perkembangan sahsiah anak-anak boleh terencat apabila ibu bapa melakukan kawalan tingkah laku secara keterlaluan. Jika terlalu banyak sekatan atau terlalu mengawal pergerakan, anak-anak menjadi degil dan melawan. Seharusnya, anak-anak tahu bahawa tindakan ibu bapa sebenarnya untuk mengajar yang baik atau yang buruk. Jika anak banyak karenah, dia sebenarnya mahukan perhatian. Pada masa yang sama, ibu bapa juga sering membuat semua keputusan untuk anak-anak mereka. Memutuskan sesuatu untuk anak menyebabkan anak rasa tidak berupaya dan bergantung kepada ibu bapa. Menjaga anak tidak bermakna semua keputusan dibuat oleh ibu bapa. Anak juga mahukan pilihan sendiri. Bagi membentuk sikap berdikari, anak perlu memilih dan belajar membuat keputusan.

Sukarnya menjadi ibu bapa pada zaman ini. Kerenah anak-anak menjadikan kita sering berendam air mata. Bagi ibu bapa yang mudah tersentuh hati, mereka sering mengancam untuk meninggalkan anak-anak. Anak paling takut ditinggalkan kerana sejak kecil anak-anak menyedari mereka tidak boleh hidup tanpa ibu bapa. Sekiranya ibu bapa mengancam meninggalkan anak tanpa mengira alasan, perkembangan jiwa anak yang masih rapuh akan berasa keselamatannya tergugat. Ibu bapa juga selalu menghukum anak-anak ketika tidak dapat mengawal perasaan. Ada ketikanya, hampir semua ibu bapa hilang pertimbangan kerana terlalu marah sehingga sanggup mencederakan anak. Jika ibu bapa dapat mengawal perasaan, lagi mudah anak belajar memahami perasaan dan bersimpati kepada ibu bapa mereka.

Ibu bapa juga sering berjanji walaupun tahu tidak berupaya menepatinya. Semasa berjanji, ibu bapa sebenarnya menghidupkan fikiran khayalan anak-anak bahawa *(apa-apa yang mereka hajati akan ditunaikan)* oleh mereka yang tersayang. Mereka akan meminta perkara yang bukan-bukan dan menyangka ibu bapa akan memenuhi setiap permintaan tersebut berdasarkan anggapan mereka sendiri. Jika tidak tertuntai, kepercayaan yang dibina terhadap ibu bapa akan tergugat. Selain itu, ibu bapa juga sering mengelirukan anak-anak dengan arahan yang tidak jelas. Anak mudah belajar apabila menerima arahan yang jelas. Mereka akan menjadi keliru jika ibu bapa sendiri yang melakukan perkara yang sebaliknya. Ketika mengajar anak berbuat baik kepada binatang tetapi kita sendiri yang menganiayai binatang, arahan itu menjadi tidak jelas. Apabila semua ini kita lakukan, anak tidak mempercayai kita lagi. Kita telah menyebab mereka marah, kecewa dan tidak selamat.

Kedapatan juga ibu bapa yang sering mengejek anak-anak dengan panggilan yang tidak baik. Setiap perkara yang didengar akan terpahat dalam minda, tersembunyi dalam fikiran bawah sedar sehingga boleh menganiayai diri anak itu sendiri setelah dewasa. Lebih malang lagi, ibu bapa berkomunikasi secara satu hala sahaja dengan anak-anak. Anak-anak diminta mendengar sahaja setiap arahan atau perintah ibu bapa tanpa diberi peluang untuk meluahkan isi hati mereka. Walaupun mereka menjadi pendengar yang setia namun mungkin menjadi pemberontak pada suatu hari nanti. Ingat, kita tidak sempurna. Sebagai ibu bapa, kita pernah membuat kesilapan. Sifat kanak-kanak keras dan tidak mudah dibentuk. Kerosakan akan berlaku apabila perbuatan ibu bapa yang tidak baik berlaku berulang-ulang dalam tempoh yang panjang. Walaupun anak-anak bersifat manja namun didik dan lenturlah mengikut acuan yang betul agar perkembangan sahsiah mereka menjurus kepada kecemerlangan dunia dan akhirat.

(Dipetik dan diubah suai daripada

'Cabaran Membangunkan Sahsiah Anak-Anak'

oleh Suraiyati Mohd Salleh,

Majalah ANIS, Bil. 02 2015)

Soalan 2 : Pemahaman

[35 markah]

Soalan 2 (a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

(i) Berikan maksud rangkai kata apa-apa yang mereka hajati akan ditunaikan.

[2 markah]

(ii) Ibu bapa tidak harus sepenuhnya membuat keputusan untuk anak-anak mereka.

Nyatakan kesan-kesan baik sekiranya anak-anak diberi peluang untuk membuat

keputusan sendiri. [3 markah]

(iii) Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha yang dapat dilakukan oleh ibu bapa untuk menggalakkan anak-anak berbincang masalah dengan mereka?

[4 markah]

Soalan 2(b) Prosa Moden – Cerpen.

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Profesor Doktor Juaidi muncul, mukanya cemas berpeluh. "Tingkatkan adrenalina, dopamin, atropin."

"Sudah ke maksimum, Prof."

Troli penyelamat diheret ke sisi, defibrillator menggetarkan jantung mengalirkan kuasa 20 Joule. Tubuh lelaki tua yang bermulut hamis dek minuman keras terketar-ketar sebelum kaku semula di katil.

Tegang muka Profesor Doktor Juaidi, 300 botol kecil adrenalina tinggal kosong. Stok penyimpan atropin kehabisan. Dua puluh botol gelafundin kosong tergolek di dalam tong kosong tergolek di dalam tong sampah. Dua jam lalu pesakit koma di Unit Rawatan Rapi ditinggalkan.

Masya – Allah , betapa agungnya tubuh Tuan Besar Musa.

"Dia sepatutnya tidak mati sebelum acara jamuan tahunan. Kelab akan kehilangan RM 100 ribu. Huh! " Profesor Doktor Juaidi terhenyak di kerusi. Tajam mata liar garangnya menangkap wajah lembut Doktor Murni. "Tulis laporan kematian Tuan Besar Musa. Ke mana perginya lima pek darah yang saya tahu ada di bank darah pagi tadi?" Suaranya memetir.

"Prof."

Tidak percaya aku. Doktor Murni boleh tersenyum semanis itu. "ini surat perletakan jawatan saya. Tidak cukup menjadi doktor manusia, saya mahu menjadi doktor kemanusiaan juga. Kalau tidak di hospital ini , saya yakin di hospital lain."

Profesor Doktor Juaidi ternganga.

Doktor Murni berlari menggapai tanganku. 'Nusia, kita ke bank darah. Dua pek darah daripada awak, dua pek darah daripada saya, mampu menghidupkan semua yang koma dalam Unit Rawatan Rapi kecuali profesor Doktor Juaidi.'

- (i) Apakah yang mendorong Doktor Murni meletakkan jawatannya? [2 markah]
- (ii) Dalam mengejar kemewahan, manusia sanggup mengetepikan soal kemanusiaan dalam kehidupan.
- Pada pendapat anda apakah cara-cara yang boleh dilakukan untuk menerap nilai-nilai kemanusiaan dalam kalangan masyarakat. [3 markah]
- (iii) Jelaskan satu perwatakan Doktor Murni yang terdapat dalam petikan dan satu perwatakan lain daripada cerpen tersebut yang tidak terdapat dalam petikan. [4 markah]

Soalan 2 © - Petikan Prosa Tradisional

Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Maka sembah Bendahara, "Daulat tuanku Syah Alam, adapun pekerjaan berkawal itu pekerjaan Temenggung; apabila Temenggung tiada bercakap, Laksama pula mengerjakan dia."

Maka titah raja, "Pada malam ini Temenggung sendiri keluar berkawal."

Maka sembah Temenggung, "Daulat tuanku, patik sendiri masuk berkawal." Maka Temenggung pun bermohon kembali ke rumahnya berkerah segala hambanya lima ratus orang dengan alat senjatanya.

Setelah hari malam maka Kertala Sari pun masuklah ke dalam kota. Maka didengarnya bunyi orang berkawal dan bunyi lembing perisai gemeretak. Maka Kertala Sari pun membaca pustakanya lalu ia berjalan pada tengah orang banyak itu lalu masuk ke rumah Bendahara. Maka dicurinya harta yang kemas-kemas lalu dibawanya kembali.

Setelah hari siang maka Bendahara pun gemparlah mengatakan kecurian.

Maka Bendahara pun berdatang sembah, "Ya tuanku, patik mohonkan ampun, pada malam ini patik habis kecurian, habislah harta yang kemas-kemas."

Maka titah raja, "Hai Temenggung, tidakkah kita titahkan Temenggung sendiri pada malam berkawal? Mengapakah pada malam ini mamak Bendahara kecuriaan ini?"

Maka sembah Temenggung, " Ya tuanku, patik mohonkan ampun dan kurnia; adapun pada malam ini patik sendiri berkawal. Pada segenap pintu dan rumah saudagar dan orang kaya-kaya patik sudah tunggui; maka seorang pun tiada bertemu dengan patik-patik itu. Maka titah duli yang maha mulia patik junjung."

Dipetik daripada "Kepimpinan Melalui Teladan" dalam antologi "Jaket Kulit Kijang Dari Istanbul." Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Berikan maksud rangkai kata **habislah harta yang kemas-kemas**.

[2 markah]

- (ii) Nyatakan reaksi Temenggung apabila Sultan menitahkannya berkawal sendiri bagi mengatasi masalah kecurian yang berlaku?

[3 markah]

- (iii) Pada pendapat anda, apakah tindakan yang wajar dilakukan oleh Temenggung untuk menangani masalah kecurian yang berleluasa berlaku di Melaka.

[3 markah]

Soalan 2(d) puisi – gurindam.

Baca gurindam di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Beberapa Petua Hidup

Fikir dan Kata

Kurang fikir, kurang siasat,
Tentu dirimu kelak tersesat.

Fikir dahulu sebelum berkata,
Supaya terelak silang sengketa.
Perkataan tajam jika dilepas,
Ibarat beringin, racun dan upas.

Kalau mulut tajam dan kasar,
Boleh ditimpa bahaya besar.

Silang Sengketa

Siapa menggemari silang sengketa,
Kelaknya pasti berduakacita.

Silang selisih jangan dicari,
Jika tersua jangan lari.

Ilmu

Jikalau ilmu tiada sempurna,
Tiada berapa ia berguna.

Ilmu kepandaian boleh dikehjar,
Asal mahu rajin belajar.

Dunia Pergaulan

Dunia ini taman pergaulan,
Hendaklah pilih sahabat dan taulan.

Manusia dikenal sifat budinya,
Dengan dilihat siapa kawannya.
Burung yang sama corak dan bulu,
Selalu sekumpul ke hilir dan ke hulu.

Sifat-sifat yang Baik

Jikalau kamu bersifat budiman,
Dipandang sebagai bunga di taman.

Jikalau kamu bersifat dermawan,
Segala orang dapat kautawan.

Jikalau kamu bersifat pemurah,
Segala manusia datang menyerah.

Perbuatan yang Baik

Barang siapa berbuat jasa,
Mulia namanya segenap masa.

Menolong sesama wajib dan perlu,
Tetapi tolonglah dirimu dahulu.

Sifat-sifat yang Jahat

Telunjuk lurus kelengkeng berkait,
Hati sesama menjadi pahit.

Barang siapa berbuat khianat,
Tuhan kelak memberi lakanat.

Kalung Bunga Za'ba,2008.
Dewan Bahasa dan Pustaka.

- i. Nyatakan kesan jika seseorang itu bersifat jahat seperti yang digambarkan dalam gurindam di atas. [2 markah]
 - ii. Dunia ini taman pergaulan,
Hendaklah pilih sahabat dan tauan. [3 markah]
- Bait gurindam di atas menyarankan agar kita perlu berhati-hati dalam pergaulan. Pada pendapat anda, kenapakah kita disarankan agar menjaga batas pergaulan dalam persahabatan?
- iii. Jelaskan dua persoalan yang boleh dikaitkan dengan ilmu pengetahuan dalam gurindam di atas? [4 markah]

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa
[30 markah]

Jawab semua soalan.

(a) Tulis satu ayat bagi setiap perkataan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan, menukar atau menggugurkan imbuhan atau menggunakan rangkai kata itu sebagai peribahasa atau nama khas.

- (i) waran
- (ii) wasiat
- (iii) waranti
- (iv) warisan
- (v) waswas
- (vi) waspada

(b) Tukarkan setiap ayat susunan songsang di bawah kepada ayat susunan biasa tanpa mengubah maksud asalnya.

- (i) Akan dimulai dari sebelah timur pembinaan lebuh raya itu.
- (ii) Telah dijual oleh datuk di pasar tani angsa peliharaan nenek.
- (iii) Merempuh masuk ke dalam stadium penyokong bola sepak Jerman.

[6 markah]

(Paham A)

Bilangan orang yang datang ke sini

Seorang ahli politik berhenti di depan rumah

(c) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan ejaan** dan **satu kesalahan dari segi imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

(1) Vitamin membantu tubuh mengurai dan mengguna unsur asas makanan, carbohidrat dan lemak. Sesetengah vitamin turut membabitkan dalam terhasil sel darah, hormon, bahan genetik dan kinea dalam sistem saraf. Maka pengambilan protin amat penting untuk kesihatan tubuh badan.

[6 markah]

(d) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan penggunaan kata atau istilah** dan **satu kesalahan tatabahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

(i) Pertandingan akhir bahas peringkat kebangsaan di antara Negeri Pahang dengan Negeri Sabah ditangguhkan kerana masalah klinikal.

guru: tetapi masih belum mencapai hasil yang diharapkan. Jawapan ini tidak boleh diberikan.

(ii) Mesyuarat agong Persatuan Ibu Bapa dan Guru Sekolah Kebangsaan Durian Daun kecoh ketika pemilihan ahli jawatankuasa sedang berada.

(iii) Dedaun kering yang berguguran di kawasan taman dibersihkan oleh konduktor pembersihan pada petang semalam.

[6 markah]

- (e) Berdasarkan maksud peribahasa di bawah, nyatakan peribahasa yang sesuai.
- Menurut kehendak hati sendiri.
 - Urusan sendiri ditinggalkan kerana mementingkan urusan orang lain.
 - Sekali melakukan perkerjaan, dua tiga maksud tercapai.

[6 markah]

Soalan 4: Novel

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah ini berdasarkan novel-novel yang berikut:

- | | |
|--------|--|
| (i) | Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib |
| (ii) | Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor |
| (iii) | Jendela Menghadap Jalan karya Ruhani Matdarin |
| (iv) | Pantai Kasih karya Azmah Nordin |
| (v) | Tirani karya Beb Sabariah |
| (vi) | Songket Berbenang Emas karya Khairudin Ayip |
| (vii) | Bim asakti Menari karya Sri Rahayu Mohd |
| (viii) | Silir Daksa karya Nizar Parman |

- (a) Terdapat pelbagai peristiwa yang memaparkan konflik dalam sesebuah novel terutama pada bahagian perkembangan binaan plot.

Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, jelaskan konflik antara watak yang terdapat dalam novel tersebut.

(7 markah)

- (b) Berdasarkan dua buah novel yang anda pelajari, huraikan persamaan watak utama yang terdapat dalam novel tersebut.

(8 markah)